



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 28 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KERAJAAN TERUS FOKUS PERANGI COVID-19, VAKSIN UNTUK RAKYAT, SH-8 PESAWAH TERJEJAS BANJIR TERIMA BANTUAN MAFI, NEGERI KEDAH.PERLIS, SH-34 MAFI HENTI IMPORT LEMBU DARI THAILAND, NASIONAL, SH-20	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	TERNAKAN DIJANGKITI LSD TIDAK BERBAHAYA, NASIONAL, SH-20 TERNAKAN KENA LSD BOLEH DIMAKAN, NASIONAL, BH-15 LSD NOT ZONOTIC DISEASE, CANNOT BE TRANSMITTED TO HUMANS-DVS, BERNAMA NEWS- ONLINE DAGING TERNAKAN DIJANGKITI LSD TIDAK BERBAHAYA, BUKAN ZONOTIK: JABATAN VETERINAR, SH-ONLINE VET SERVICES DEPT: LUMPY SKIN DISEASE NOT ZONOTIC DISEASE, CANNOT BE TRANSMITTED TO HUMANS, MALAY MAIL-ONLINE LEMBU DIJANGKITI LSD WAJIB DISEMBELIH DI RUMAH SEMBELIH JPV, UM -ONLINE DAGING TERNAKAN KENA LSD BOLEH DIMAKAN, BH-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
11. 12. 13. 14.	GALAK PROMOSI RAJA BUAH DI MEDIA SOSIAL, LOKAL, HM-19 SELL DURIANS ON SOCIAL MEDIA, FARMERS URGED, NATION, THE STAR-12 PENGELURAN DURIAN PAHANG TERTINGGI, NEGARA, KOSMO-12 FAMA GALAK JUAL DURIAN GUNA MEDIA SOSIAL, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
15.	JABATAN PERIKANAN TERENGGANU REKOD 29 KES PELBAGAI KESALAHAN, SH-ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24.	MUSANG KING RAUB, BENTONG DAPAT PERMINTAAN TINGGI, NEGARA, KOSMO-12 TIDAK BOLEH ANJUR PESTA DURIAN KETIKA PKP, NEGARA, KOSMO-12 BORONG NANAS JUALAN WARGA EMAS, TULAR.GAYA, UM-19 DURIAN MERAJUK BERBUAH LEBAT, DALAM NEGERI, UM-25 TABIAT KAPAL BESAR BERSAUH LAMA SEKAT REZEKI NELAYAN, DALAM NEGERI, UM-13 SEDIH LIHAT NASIB NELAYAN-NORHIZAM, DALAM NEGERI, UM-13 2,000 PEKERJA PELANCONGAN JADI NELAYAN UNTUK TERUS HIDUP, NEGARA, KOSMO-7 TERNAKAN LEMBU DIBAHAM HARIMAU, UM-ONLINE BELI DURIAN BOLEH TAPI DILARANG BUAT PESTA, HARIAN METRO-ONLINE	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

28.06.2021

SINAR HARIAN
VAKSIN UNTUK
RAKYAT

9

Kerajaan fokus perangi Covid-19

Pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM340 bilion diberikan kepada rakyat

Oleh RAJA NUR FAZIE AIDA

BELURAN

Kerajaan akan terus fokus dan bekerja keras untuk keluar daripada kemelut pandemik Covid-19 di samping memulihkan serta membangunkan semula ekonomi negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, kerajaan tidak akan terganggu dalam apa-apa keadaan sekalipun dan terus bekerjasama dengan barisan hadapan negara serta rakyat untuk memerangi pandemik tersebut.

Justeru, beliau menggesa orang ramai untuk sama-sama menyahut seruan Perdana



Ronald (kiri) menyampaikan bekul makanan kepada 200 Ketua Isi Rumah (KIR) di Kampung Maitan, Paitan, Sabah pada Sabtu.



Ronald (kiri) menyampaikan bekul makanan kepada 200 Ketua Isi Rumah (KIR) di Kampung Maitan, Paitan.

Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin agar terus cekal dengan semangat juang bagi tempoh mendatang.

"Tidak dapat dinafikan, perantaraan sektor ekonomi memberi kesan amat besar kepada ekonomi negara dan kehidupan rakyat.

"Namun, kerajaan terpaksa melaksanakan Kawalan Pergerakan (PKP) ini bagi melandaikan lengkung jangkitan Covid-19 sekali gus

Labuk, Samad Jambri dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Sabah Ribin Wahid. Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM340 bilion walaupun mempunyai ruang fiskal yang amat terhad.

Katanya, kesemua itu dilaksanakan atas dasar keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan rakyat, sekali gus memastikan wujud keseimbangan antara keperluan untuk me-

lindungi nyawa dan menjamin kelangsungan hidup rakyat.

"Kerajaan sentiasa memberi penekanan terhadap sekuriti makanan bagi memastikan jaminan dan kelangsungan bekul makanan negara," ujarnya.

Beliau berkata, peralihan fasa mengikut strategi Pelan Pemulihan Negara (PPN) adalah berpaksikan tiga indikator utama termasuk purata kes baharu Covid-19 harian, kadar penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) dan peratusan penduduk yang divaksin se-

penutunya.

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

Pesawah terjejas banjir terima bantuan MAFI

ALOR SETAR - Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) meluluskan peruntukan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi berjumlah lebih RM2 juta kepada pesawah yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda beberapa negeri pada November tahun lalu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, bantuan akan disalurkan kepada seramai 1,917 orang pesawah melibatkan kawasan seluas 2,284.59 hektar dalam kawasan MADA.

Katanya, daripada jumlah bantuan terbabit, sejumlah RM73,983.80 diperuntukkan kepada 154 orang pesawah kawasan MADA Wilayah I Perlis dan RM576,257.05 kepada 646 orang pesawah di kawasan MADA Wilayah II Jitra,

“Selain itu, sebanyak RM1,320,725.15 juga disalurkan kepada 1,076 orang pesawah di kawasan MADA Wilayah III Pendang dan sejumlah RM30,293.40 kepada 41 orang pesawah di Wilayah IV, Kota Sarang Semut,” katanya menerusi suatu kenyataan di sini pada Ahad.

Menurutnya, peruntukan itu diberikan berdasarkan kepada tempoh usia pokok padi yang rosak akibat ditenggelami air.

“Bagi pokok padi yang berusia sehari sehingga 70 hari, kerajaan memperuntukkan bantuan sebanyak RM876 per hektar dan bagi pokok padi yang berusia 71 hari ke atas, bantuan diberikan sebanyak RM1,800 per hektar,” katanya.

Tambah Tarmizi, bantuan itu akan mula disalurkan secara pemindahan ke akaun bank penerima mulai 28 Jun.



Tarmizi (tengah) menyampaikan cek bantuan banjir kepada Che Gamat Abdullah, 68, di rumahnya di Telok Kandih, Pendang pada Ahad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

MAFI henti import lembu dari Thailand

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memutuskan semua aktiviti mengimport lembu-lembu hidup khususnya dari Thailand dihentikan dalam usaha menyelamatkan ternakan tempatan bagi tempoh jangka panjang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, langkah itu bagi mengelakkan berlakunya penularan penyakit penyakit kulit kental (LSD) yang sedang melanda negara berkenaan ketika ini.

“MAFI amat bimbang jika berlakunya jangkitan ini kepada lembu-lembu atau haiwan tempatan ia dibimbangi boleh melumpuhkan industri ternakan tempatan.

“LSD sangat mudah berjangkit pada ternakan sekiranya mereka berada dalam lingkungan yang sama. Jadi, sebab itulah kita ambil langkah awal dengan menghentikan segera aktiviti import ternakan tersebut,” katanya



Che Abdullah (tengah) pada majlis penyerahan bantuan MAFI Prihatin kepada penduduk di Taman Perumahan Merbau Utama.

kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan MAFI Prihatin kepada penduduk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Taman Perumahan Merbau Utama, Selising di sini pada Ahad.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Kamarudin Md Nor dan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri, Tuan Mohd

Saripudin Tuan Ismail.

Sehubungan itu, MAFI menyeru kepada seluruh penternak khususnya di kawasan sempadan untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat jika mengetahui aktiviti penyeludupan masuk lembu-lembu dari Thailand secara tidak sah ke negara ini.

Agensi di bawah MAFI, kata Che Abdullah sentiasa bekerjasama dengan agensi keselamatan di sempadan dalam mengawal kemasukan lembu-lembu seludup itu.

Temakan dijangkiti LSD tidak berbahaya

Bagaimanapun haiwan terbabit wajib disembelih di rumah sembelihan DVS

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mewajibkan semua lembu atau kerbau yang dijangkiti dengan penyakit kulit kental (LSD) untuk disembelih di rumah sembelihan jabatan itu.

Menerusi satu kenyataan pada Ahad, DVS memaklumkan ternakan yang disembelih perlu melalui pemeriksaan veterinar (*ante-mortem* dan *post-mortem*) oleh Pemeriksa Daging (*Meat Inspector*).

Jelas kenyataan itu, tindakan tersebut diambil sebagaimana peruntukan Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985 bagi memastikan daging daripada ternakan tersebut sesuai dijual atau dipasarkan sebagai makanan manusia.

“Sekiranya terdapat lesi nodular pada karkas atau daging dan organ dalaman termasuk organ dalam tersebut akan dilupuskan sepenuhnya berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) Pelupusan Karkas Haiwan Berjangkit.

“Bagaimanapun, lesi penyakit LSD (nodular) kebiasaannya hanya terdapat pada lapisan kulit ternakan,” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, karkas atau daging daripada ternakan LSD tidak membahayakan kerana LSD tidak menjangkiti manusia.

Jelasnya, daging boleh dimakan setelah menjalani proses pemeriksaan oleh pihak berkuasa veterinar atau setelah dimasak sempurna kerana virus LSD juga akan musnah pada suhu 65 darjah Celsius selama 30 minit.

“DVS akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam hal ini dengan meningkatkan pemantauan ke atas semua daging di pintu masuk negara dan di pasaran tempatan termasuk sekiranya terdapat daging di pasaran yang berpenyakit dan



Daging lembu yang dijangkiti LSD boleh dimakan setelah menjalani proses pemeriksaan oleh pihak berkuasa veterinar atau setelah dimasak sempurna kerana virus itu akan musnah pada suhu 65 darjah Celsius selama 30 minit.

tidak disembelih di rumah sembelih di bawah DVS,” kata kenyataan itu lagi.

Kenyataan itu memberitahu, penyakit LSD disebabkan oleh virus Poxviridae boleh tersebar dalam kalangan ternakan lembu melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk dan sengkemir.

Ia juga boleh berjangkit melalui rembesan air liur dan hidung ternakan lembu yang terjangkit.

Katanya, tanda-tanda kimikal pada ternakan lembu terjangkit adalah nodular pada kulit di sebahagian atau keseluruhan tubuh lembu.

Ternakan kena LSD boleh dimakan

Daging dimasak sempurna musnahkan virus pada suhu 65 darjah Celsius selama 30 minit

Oleh **Ilah Hafiz Aziz dan Latifah Arifia**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Daging ternakan yang dijangkiti Lumpy Skin Disease (LSD) boleh dimakan kerana LSD bukan penyakit zoonotik dan tidak menjangkiti manusia secara langsung atau melalui daging.

Jabatan Perkhidmatan Veteri-

nar (JPV) menjelaskan karkas atau daging ternakan berkenaan boleh dimakan selepas menjalani pemeriksaan oleh pihak berkuasa veterinar atau setelah dimasak dengan sempurna kerana virus itu akan musnah pada suhu 65 darjah Celsius selama 30 minit.

Bagaimanapun, JPV dalam kenyataan semalam berkata, haiwan ternakan termasuk lembu dan kerbau yang dijangkiti LSD

diwajibkan untuk disembelih di rumah sembelihan jabatan itu.

Ini bagi memastikan daging ternakan berkenaan sesuai dijual atau dipasarkan sebagai makanan manusia.

"Sekiranya terdapat lesi nodular pada karkas atau daging dan organ dalaman, ia akan dilupuskan sepenuhnya berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) Pelupusan Karkas Haiwan Berjangkit.

"Bagaimanapun, lesi penyakit LSD (nodular) kebiasaannya hanya terdapat pada lapisan kulit ternakan," kata kenyataan itu.

JPV juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi meningkatkan pengetahuan di pintu masuk negara dan di pasaran termasuk mengenal pasti jika ada yang tidak disembelih di rumah sembelih jabatan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	-

LSD NOT ZONOTIC DISEASE, CANNOT BE TRANSMITTED TO HUMANS - DVS



PUTRAJAYA, June 27 -- The carcass or meat of buffaloes or cattle infected with Lumpy Skin Disease (LSD) are safe, said the Department of Veterinary Services (DVS). DVS, in a statement today said this is because LSD is not a zoonotic disease that can be transmitted from animals to humans.

However, DVS said the meat can only be eaten after undergoing inspections by the relevant authorities. The lumpy skin infected livestock meat must also be properly cooked as the LSD virus can be eliminated in a temperature of 65 degrees Celsius for 30 minutes, it added.

The statement said that all cows or buffaloes infected with LSD are required to be slaughtered at the DVS' slaughterhouse before undergoing antemortem and postmortem inspections, as provided for under the Meat Inspection Rules 1985. "If nodular lesions are detected in the animals' carcass, meat or internal organs, it will be completely disposed of in accordance with the Disposal of Infected Animal Carcass standard operating procedure.

"The LSD nodular lesions are usually only found on the skin layer of livestock," said DVS. LSD caused by Poxviridae virus can spread among cattle through insect vector bites such as mosquitoes, transmitted through saliva and the noses of infected cattle. Clinical signs in infected cattle are nodules on the skin on part or all of the animal's body.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26.06.2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	-

DAGING TERNAKAN DIJANGKITI LSD TIDAK BERBAHAYA, BUKAN ZOONOTIK - JABATAN VETERINAR



PUTRAJAYA, 27 Jun -- Karkas atau daging daripada ternakan yang dijangkiti Lumpy Skin Disease (LSD) tidak berbahaya kerana LSD bukan penyakit zoonotik, iaitu tidak menjangkiti manusia sama ada secara langsung atau melalui daging, jelas Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hari ini.

Menurut kenyataan jabatan itu, daging ternakan yang dijangkiti boleh dimakan setelah menjalani proses pemeriksaan oleh pihak berkuasa veterinar atau setelah dimasak dengan sempurna kerana virus LSD akan musnah pada suhu 65 darjah Celcius selama 30 minit.

DVS berkata semua lembu atau kerbau dijangkiti LSD diwajibkan disembelih di rumah sembelih jabatan dan perlu melalui pemeriksaan veterinar oleh pemeriksa daging jabatan, sebagaimana peruntukan Kaedah-kaedah Pemeriksaan Daging 1985, bagi memastikan daging tersebut sesuai dijual dan dipasarkan sebagai makanan manusia.

"Sekiranya terdapat lesi nodular pada karkas atau daging dan organ dalaman, maka daging akan dilupuskan sepenuhnya berdasarkan prosedur operasi standard Pelupusan Karkas Haiwan Berjangkit. Bagaimanapun, lesi penyakit LSD (nodular) kebiasaannya hanya terdapat pada lapisan kulit ternakan," kata DVS.

LSD disebabkan virus Poxviridae dan boleh tersebar dalam kalangan ternakan lembu melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk dan sengkent serta boleh berjangkit melalui rembesan air liur dan hidung ternakan lembu yang terjangkit.

Tanda-tanda klinikal pada ternakan lembu terjangkit ialah nodular pada kulit di sebahagian atau keseluruhan tubuh lembu.

DVS berkata ia juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dengan meningkatkan pemantauan ke atas semua daging di pintu masuk negara dan di pasaran tempatan termasuk sekiranya terdapat daging di pasaran yang berpenyakit dan tidak disembelih di rumah sembelih di bawah jabatan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

DAGING TERNAKAN DIJANGKITI LSD TIDAK BERBAHAYA, BUKAN ZONOTIK: JABATAN VETERINAR



PUTRAJAYA - Karkas atau daging daripada ternakan yang dijangkiti Lumpy Skin Disease (LSD) tidak berbahaya kerana LSD bukan penyakit zoonotik, iaitu tidak menjangkiti manusia sama ada secara langsung atau melalui daging.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) melalui kenyataan pada Ahad memaklumkan daging ternakan yang dijangkiti boleh dimakan setelah menjalani proses pemeriksaan oleh pihak berkuasa veterinar atau setelah dimasak dengan sempurna kerana virus LSD akan musnah pada suhu 65 darjah Celcius selama 30 minit.

Kenyataan itu berkata, semua lembu atau kerbau dijangkiti LSD diwajibkan disembelih di rumah sembelih jabatan dan perlu melalui pemeriksaan veterinar oleh pemeriksa daging jabatan, sebagaimana peruntukan Kaedah-kaedah Pemeriksaan Daging 1985, bagi memastikan daging tersebut sesuai dijual dan dipasarkan sebagai makanan manusia.

“Sekiranya terdapat lesi nodular pada karkas atau daging dan organ dalaman, maka daging akan dilupuskan sepenuhnya berdasarkan prosedur operasi standard Pelupusan Karkas Haiwan Berjangkit. Bagaimanapun, lesi penyakit LSD (nodular) kebiasaannya hanya terdapat pada lapisan kulit ternakan,” kata DVS.

LSD disebabkan virus Poxviridae dan boleh tersebar dalam kalangan ternakan lembu melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk dan sengkenit serta boleh berjangkit melalui rembesan air liur dan hidung ternakan lembu yang terjangkit. Tanda-tanda klinikal pada ternakan lembu terjangkit ialah nodular pada kulit di sebahagian atau keseluruhan tubuh lembu.

DVS turut memberitahu ia juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dengan meningkatkan pemantauan ke atas semua daging di pintu masuk negara dan di pasaran tempatan termasuk sekiranya terdapat daging di pasaran yang berpenyakit dan tidak disembelih di rumah sembelih di bawah jabatan itu. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	MALAY MAIL	ONLINE	-

VET SERVICES DEPT: LUMPY SKIN DISEASE NOT ZONOTIC DISEASE, CANNOT BE TRANSMITTED TO HUMANS



PUTRAJAYA, June 27 — The carcass or meat of buffaloes or cattle infected with Lumpy Skin Disease (LSD) are safe, said the Department of Veterinary Services (DVS). DVS, in a statement today said this is because LSD is not a zoonotic disease that can be transmitted from animals to humans. However, DVS said the meat can only be eaten after undergoing inspections by the relevant authorities.

The lumpy skin infected livestock meat must also be properly cooked as the LSD virus can be eliminated in a temperature of 65 degrees Celsius for 30 minutes, it added.

The statement said that all cows or buffaloes infected with LSD are required to be slaughtered at the DVS' slaughterhouse before undergoing antemortem and postmortem inspections, as provided for under the Meat Inspection Rules 1985. "If nodular lesions are detected in the animals' carcass, meat or internal organs, it will be completely disposed of in accordance with the Disposal of Infected Animal Carcass standard operating procedure.

"The LSD nodular lesions are usually only found on the skin layer of livestock," said DVS. LSD caused by Poxviridae virus can spread among cattle through insect vector bites such as mosquitoes, transmitted through saliva and the noses of infected cattle. Clinical signs in infected cattle are nodules on the skin on part or all of the animal's body.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

LEMBU DIJANGKITI LSD WAJIB DISEMBELIH DI RUMAH SEMBELIH JPV



PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mewajibkan semua lembu atau kerbau yang dijangkiti penyakit kulit kental (LSD) disembelih hanya di rumah sembelih agensi itu. Langkah ini selaras peruntukan Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985 bagi memastikan segala daging daripada ternakan itu sesuai dijual dan dipasarkan sebagai makanan manusia.

Agensi itu menerusi kenyataan bersama dengan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan berkata, haiwan disembelih juga perlu dinilai pemeriksa daging JPV. "Ini meliputi prosedur pemeriksaan veterinar ante-mortem dan post-mortem kerana jika ada lagi lesi nodular pada karkas atau organ dalaman, ia akan dilupuskan," katanya di sini hari ini.

Kenyataan itu sebagai mengulas kebimbangan umat Islam terhadap penularan LSD ke atas ternakan yang

bakal menjalani ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha kelak. Mengulas lanjut, JPV berkata, penghapusan daging itu secara sepenuhnya juga berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) untuk pelupusan sembelihan haiwan yang sudah berjangkit.

Bagaimanapun, lesi pada kebiasaannya cuma terdapat pada lapisan kulit ternakan malah LSD itu sendiri bukannya zoonotik iaitu tidak jangkiti manusia secara langsung atau melalui daging. Perkara ini turut diperakui Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) diiktiraf Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

"JPV ingin menegaskan bahawa karkas sembelihan LSD tidak membahayakan manusia dan dagingnya boleh dimakan setelah melalui proses pemeriksaan teliti pihak berkuasa," katanya. Sebagai langkah tambahan, daging disembelih perlu dimasak dengan sempurna kerana virus LSD pada kelazimannya akan musnah pada suhu 65 darjah Celsius selama tempoh 30 minit.

Pihak JPV akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam hal ini dan meningkatkan pemantauan semua daging import di pintu masuk sempadan negara dan pasaran domestik. Usaha berterusan itu, ujarnya, bagi memastikan tiada langsung daging yang berpenyakit dijual di pasaran dan tidak disembelih di mana-mana 27 buah rumah penyembelihan di bawah JPV.

LSD disebabkan virus Poxviridae dan boleh tersebar melalui gigitan serangga vektor seperti nyamuk atau sengkerit sebelum berjangkit menerusi rembesan air liur dan hidung ternakan. Penyakit ini boleh memberi kerugian ekonomi yang besar kepada industri ternakan ruminan negara apabila haiwan terbabit turun berat badan, kekurangan susu, keguguran dan mandul.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	BERITA HARIAN	ONLINE	-

DAGING TERNAKAN KENA LSD BOLEH DIMAKAN



KUALA LUMPUR: Daging ternakan yang dijangkiti Lumpy Skin Disease (LSD) boleh dimakan kerana LSD bukan penyakit zoonotik dan tidak menjangkiti manusia secara langsung atau melalui daging. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menjelaskan karkas atau daging ternakan berkenaan boleh dimakan selepas menjalani pemeriksaan oleh pihak berkuasa veterinar atau setelah dimasak dengan sempurna kerana virus itu akan musnah pada suhu 65 darjah Celsius selama 30 minit.

Bagaimanapun, DVS dalam kenyataan hari ini berkata, haiwan ternakan termasuk lembu dan kerbau yang dijangkiti LSD diwajibkan untuk disembelih di rumah sembelihan jabatan bagi memastikan ia selamat dimakan. Setiap ternakan yang disembelih juga perlu melalui pemeriksaan veterinar secara 'ante post mortem' dan 'post mortem' oleh pemeriksa daging

jabatan mengikut peruntukan Kaedah-kaedah Pemeriksaan Daging 1985.

Tindakan itu bagi memastikan daging daripada ternakan itu sesuai dijual atau dipasarkan sebagai makanan manusia. "Sekiranya terdapat lesi nodular pada karkas atau daging dan organ dalaman, maka karkas dan daging termasuk organ dalaman itu akan dilupuskan sepenuhnya berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelupusan Karkas Haiwan Berjangkit.

"Bagaimanapun, lesi penyakit LSD (nodular) kebiasaannya hanya terdapat pada lapisan kulit ternakan," kata kenyataan itu. Mengulas lanjut, DVS berkata, ia juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi meningkatkan pemantauan ke atas semua daging di pintu masuk negara dan di pasaran tempatan.

"Ia termasuk sekiranya terdapat daging di pasaran yang berpenyakit dan tidak disembelih di rumah sembelih di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar," kata kenyataan itu. Penyakit LSD adalah disebabkan oleh virus Poxviridae dan boleh tersebar dalam ternakan lembu melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk dan sengkenit serta boleh berjangkit melalui rembesan air liur dan hidung ternakan lembu yang terjangkit.

"Tanda-tanda klinikal pada ternakan lembu terjangkit adalah nodular pada kulit di sebahagian atau keseluruhan tubuh lembu. Penyakit LSD ini jugamemberi kerugian ekonomi yang besar kepada industri ternakan lembu dan kerbau negara," kata DVS. Sementara itu, Ketua Pengarah JPV, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata sekurang-kurangnya 58 lembu di 43 ladang atau kandang di Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Pahang dan Melaka disahkan dijangkiti LSD. Ternakan terbabit sudah diarah supaya dilupuskan.

"Susulan ancaman LSD, JPV mengaktifkan program surveilan dan pemeriksaan di lebih 10,000 ladang dan kandang ternakan meliputi lebih 127,000 ternakan lembu di seluruh negara. Pemeriksaan mendapati 216 lembu atau 0.16 peratus menunjukkan tanda-tanda klinikal disyaki LSD," katanya kepada BH. Beliau berkata, ancaman penyakit LSD ketika ini masih terkawal dan tidak memberikan kesan kepada bekalan ternakan untuk menyambut Aidiladha. Sebanyak 43,000 ekor lembu/kerbau dan 33,000 ekor kambing/bebiri tersedia.

Penyakit LSD yang berpunca daripada virus Poxviridae yang tersebar pada ternakan melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk dan sengkenit. Ia juga boleh berjangkit melalui rembesan air liur dan hidung ternakan lembu yang dijangkiti. Kelmarin, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, dilaporkan berkata kerajaan mengambil keputusan drastik menghentikan serta-merta import lembu dari Thailand yang biasanya dibawa masuk bagi memenuhi permintaan menjelang sambutan Aidiladha.

Langkah itu berikutan kebanyakan lembu diternak negara berkenaan disahkan dijangkiti LSD yang boleh memudaratkan jika dibawa masuk ke Malaysia.

Galak promosi raja buah di media sosial

Raub: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menggalakkan pekebun durian di negara ini untuk memasarkan keluaran mereka melalui media sosial bagi mempromosikan jualan raja buah itu.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi Fama Mohamad Mustahapa Awang berkata, pengeluaran durian sudah bermula di Johor, tetapi musim di beberapa negeri lain yang terkenal dengan raja buah itu belum berlaku.

Katanya, pekebun perlu melangkah maju dengan menjadikan media sosial sebagai medium untuk memasarkan durian keluaran mereka terutama ketika kemuncak musim.

"Mereka perlu mengambil kesempatan untuk mempro-

mosi serta menjual durian keluaran masing-masing dengan pelbagai teknik di media sosial.

Jumlah pengeluaran durian di negara ini hampir sama sejak beberapa tahun lalu, namun dijangka bertambah pada masa akan datang apabila lebih banyak kebun serta ladang baharu mula mengeluarkan hasil secara berterusan.

"Aktiviti jualan yang terhad berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memerlukan pekebun menggunakan media sosial untuk memasarkan durian mereka," katanya ketika meninjau aktiviti pengumpulan dan jualan durian Musang King untuk eksport ke Singapura di Sungai Ruan di sini, kelmarin.

Sell durians on social media, farmers urged

DURIAN season is here and farmers are being encouraged to market their fruits on social media to further improve sales, *Berita Harian* reported.

Federal Agricultural Marketing Authority deputy director-general of operations Mohamad Mustahapa Awang said the season's durians are now coming to the market in Johor, with several other states expected to follow suit.

He urged farmers to use social media to market their products, especially during the durian sea-

son's peak period.

"This season, we expect more than 405,000 tonnes of various types of durian, such as Musang King, D24, Tekka, Udang Merah, IOI and several others to be sold locally and for export.

"The production of durian this year is expected to nearly match that of several years ago and will go up in future when more orchards and farms start to produce," he added.

> A fisherman managed to save his elder brother before drowning

after their boat collided with another vessel in waters off Pulau Pasir Hitam, Perak, *Harian Metro* reported.

Mohd Noor Hisham, 35, said his younger brother Mohd Syarif, 25, handed him a life jacket and asked him to jump into the sea after the collision.

Mohd Syarif then tried to find more life jackets but was eventually trapped in the boat as it sank.

Mohd Noor and crewmen from the other vessel were adrift in the sea for about two hours before

being rescued.

A search and rescue operation for Mohd Syarif is still ongoing.

> Singer and actress Farahdhiya collaborated with Korean artiste DL for her new single *Tewás*, *Berita Harian* also reported.

Farahdhiya, 37, said the song is sung in three languages: Malay, English and Korean.

The singer, who was born in Sarzana, Italy, said DL taught her how to pronounce Korean words correctly as the language was new to her.



MOHAMAD MUSTAHAPA (kanan) melihat durian musang king di sebuah pusat pengumpulan durian di Sungai Ruan, Raub semalam.

Pengeluaran durian Pahang tertinggi

ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

RAUB – Pandemik Covid-19 yang melanda negara tidak menjejaskan pengeluaran durian negara yang dianggarkan mencecah 405,000 tan metrik pada tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohamad Mustahapa Awang berkata, daripada jumlah itu Pahang menjadi negeri terbanyak mengeluarkan durian dengan kira-kira 53,000 tan metrik, diikuti Johor dan Sarawak.

"Kita menjangkakan bermula Julai hingga September ini musim durian akan tiba di Pahang dan Perak yang mana buat masa ini musim durian sedang

rancah di Pulau Pinang dan Johor.

"Pada masa ini tidak ada isu lebih bekalan apabila segala produk dipasarkan dengan mudah, malah bagi FAMA sendiri, saya tidak nampak berlakunya lebih bekalan pada tahun ini kerana kami telah mengatur beberapa strategi," katanya selepas melakukan lawatan kerja di daerah ini.

Sempena lawatan kerja itu, beliau turut menyampaikan sumbangan buah-buahan dan sayuran melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) iaitu Program Fama Prihatin.

Menurut Mohamad Mustahapa durian sentiasa mendapat permintaan tinggi di pasaran tempatan dengan kadar pen-

gunaan sebanyak 200,000 tan metrik setiap tahun selain permintaan daripada luar negara.

Beliau menerangkan, pada masa ini, Singapura menjadi negara terbesar eksport durian dengan merekodkan 16,495 tan metrik pada tahun lalu diikuti China sebanyak 8,258 tan metrik.

Dalam pada itu, beliau berkata, pada masa ini FAMA mempunyai tapak jualan buah-buahan segar di setiap negeri bagi membantu memasarkan buah-buahan berkenaan.

"Sekiranya berlaku lebih buah-buahan, FAMA mempunyai 157 bilik sejuk di seluruh negara yang boleh memuatkan 1,100 tan metrik buah-buahan selain kontena sejuk yang boleh digerakkan ke seluruh negara," terangnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	BERITA HARIAN	ONLINE	-

FAMA GALAK JUAL DURIAN GUNA MEDIA SOSIAL



RAUB: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menggalakkan lebih ramai pekebun durian di negara ini memasarkan keluaran kebun mereka menggunakan media sosial bagi merencanakan lagi aktiviti pemasaran.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi FAMA, Mohamad Mustahapa Awang, berkata pengeluaran durian kini sudah mula berlaku di Johor namun pengeluaran beberapa negeri lain yang terkenal dengan 'raja buah' itu masih belum bermula sepenuhnya.

Beliau berkata, pekebun hari ini perlu menjadikan, media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter sebagai medium baharu untuk memasarkan durian keluaran mereka terutama ketika kemuncak musim berbuah.

Katanya, dengan jumlah lebih 25 juta pengguna Facebook di negara ini pekebun perlu mengambil kesempatan untuk mempromosi serta menjual durian mereka dengan pelbagai teknik yang sesuai bagi menarik perhatian pengguna.

"Pada musim kali ini dijangka lebih 405,000 tan durian pelbagai jenis seperti Musang King, D24, Tekka, Udang Merah, IOI serta beberapa klon lain akan keluar untuk pasaran tempatan dan diekspor.

"Jumlah pengeluaran durian di negara ini hampir sama sejak beberapa tahun lalu, namun ia dijangka bertambah pada masa akan datang apabila lebih banyak kebun serta ladang baharu di beberapa negeri mula mengeluarkan hasil secara berterusan.

"Aktiviti jualan yang terhad, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memerlukan pekebun menggunakan media sosial untuk memasarkan durian mereka, kini terdapat beberapa pekebun di Pulau Pinang telah mula aktif menggunakan kaedah itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika meninjau aktiviti pengumpulan dan jualan durian Musang King untuk eksport ke Singapura di Sungai Ruan, di sini semalam.

Hadir sama Pengarah FAMA Pahang, Noh Nik Wan.

Mohamad Mustahapa berkata, disebabkan sambutan menggalakkan pada durian kampung dan klon setiap kali tiba musimnya menyebabkan episod lambakan 'raja buah' itu tidak lagi berlaku seperti sebelum ini.

Katanya, buah yang pecah masih boleh dijadikan tempoyak dan pes serta digunakan untuk menghasilkan pelbagai produk hiliran selain menjadi bahan masakan.

Beliau berkata, FAMA sentiasa berusaha membantu pekebun durian terutama peringkat jualan dan penyimpanan termasuk menghasilkan produk hiliran, khidmat nasihat dan latihan.

Menurutnya, kini terdapat sebanyak 157 bilik sejuk milik FAMA seluruh negara yang boleh digunakan untuk menyimpan durian dan produk hiliran lain dalam tempoh masa tertentu sebelum dipasarkan.

"Pahang kini menjadi pengeluar utama durian jenis kampung dan klon diikuti Johor, Sarawak, Perak, Sabah dan Pulau Pinang.

"Daerah ini menjadi antara pengeksport durian tertinggi ke luar negara setiap tahun. Tahun lalu lebih 16,495 tan dihantar ke Singapura, China (8,158 tan), Hong Kong (4,117 tan), Amerika Syarikat (754 tan) dan Australia (551 tan).

"Tahun lalu kita juga turut mengimport durian dari Thailand sebanyak 15,386 tan, Indonesia (103.48 tan) dan Vietnam (47.16 tan)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

JABATAN PERIKANAN TERENGGANU REKOD 29 KES PELBAGAI KESALAHAN

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perikanan Negeri Terengganu telah mengesan sebanyak 29 kes pelbagai kesalahan dilakukan nelayan termasuk dua nelayan warga asing dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Pengarahnya, Ruzaidi Mamat berkata, antara kesalahan dikesan ialah menggunakan peralatan menangkap ikan tidak dibenarkan, mencero boh Taman Laut, melanggar syarat lesen dan warga asing yang menangkap ikan di perairan negara tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Sebanyak empat kompaun dan dua notis telah dikeluarkan keseluruhan bernilai RM5,900 dan kesemuanya telah dibayar oleh pesalah mengikut Akta Perikanan 1985. Selain itu, dua vesel asing juga telah dilucuthak oleh mahkamah dan 12 peralatan juga telah dirampas.

"Ingin kami tegaskan bahawa jabatan tidak pernah leka dan sentiasa menjalankan operasi walaupun ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan agar tiada mana-mana pihak melanggar peraturan berkaitan perikanan," katanya kepada Bernama pada Ahad.

Sejak 1 Januari lepas, jabatan juga telah merampas sebanyak tiga pukut pari, sembilan bubu ikan dan dua bot yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM1 juta melalui operasi yang dijalankan anggota penguat kuasa di seluruh perairan negeri.

Ruzaidi berkata, kesemua 29 kes yang dikesan itu tidak termasuk operasi yang diadakan dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sepanjang tempoh tersebut.

Terbaharu, beliau berkata, tiga warga Rohingya telah ditahan anggota penguat kuasa Cawangan Taman Laut, Pengurusan dan Perlindungan Sumber (CTLPPS) Negeri Terengganu kerana mencero boh kawasan Taman Laut Pulau Tenggol di Dungun, pada Jumaat lepas.

"Hasil operasi itu, jabatan telah menyita dua pukut pari dan sebuah sampian manakala hasil ikan yang ditangkap telah dilelong mengikut seksyen 48 Akta Perikanan 1985.

"Ketiga-tiga warga Rohingya itu telah direman dan sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM20,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya. - Bernama

Musang king Raub, Bentong dapat permintaan tinggi

BENTONG - Kemunculan musim durian dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagaikan memberikan sinar buat seorang penduduk di sini yang mampu menjana pendapatan hasil jualan raja buah itu.

Mohamad Khazeri Hashim, 51, yang menjual buah durian musang king tanpa kulit kini tidak menang tangan apabila permintaan terus meningkat khususnya daripada penduduk Lembah Klang.

Dia yang mempunyai permit dan kebenaran penghantaran barangan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) itu berkata, permintaan durian musang king amat menggalakkan sehingga terpaksa menangguhkan tempahan akibat kekurangan stok dan kekangan masa.

"Berbanding tahun lalu, tahun ini permintaan agak banyak sehingga saya boleh menghantar kira-kira 80 bekas sehari kepada pelanggan dan peminat durian musang king, malah ada yang mengulangi tempahan.

"Mungkin akibat tidak dapat

datang ke Bentong membuatkan permintaan kali ini meningkat, malah kaedah menjual isi durian sahaja menyebabkan pembeli berpuas hati kerana mereka dijamin mendapat buah yang berkualiti berdasarkan harga yang dibayar," katanya di sini semalam.

Menurut Mohamad Khazeri, buah durian musang king dari Bentong dan Raub dijual pada harga berpatutan iaitu RM60 bagi satu pekot seberat 500 gram yang dihantar terus kepada pelanggan.

Dia akan memastikan buah durian musang king yang dihantarkan kepada pelanggan sentiasa segar kerana diambil daripada buah durian yang baru jatuh dan menghantarnya kepada pelanggan pada hari yang sama.

"Memang letih kerana saya terpaksa bekerja dan memandu seorang diri tetapi saya berpuas hati apabila pelanggan dapat menikmati buah durian musang king segar dan hasil jualan dapat menampung perbelanjaan keluarga dalam keadaan yang sukar ini," ujarnya.



MOHAMAD KHAZERI menunjukkan isi buah durian musang king yang telah dimasukkan dalam bekas untuk dihantar kepada pelanggan.

Tidak boleh anjur pesta durian ketika PKP

IPOH - Orang ramai diberi amaran supaya patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dengan tidak menganjurkan sebarang majlis termasuk pesta durian.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, tiada aktiviti boleh diadakan sama ada rasmi mahupun tidak dalam tempoh sekatan penuh di seluruh negara sejak 1 Jun lalu.

"Memang tidak boleh rentas daerah tian negeri, apatah lagi jika mahu buat pesta termasuk pesta durian.

"Kita faham sekarang ini musim durian, semua orang mahu makan durian tapi gunalalah sahuram yang betul.

"Hendak berniaga dan membeli tiada masalah, cuma pesta durian sahaja tidak dibenarkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini semalam.

Menurut Mior Farid, orang ramai dinasihatkan agar tidak melanggar SOP yang ditetapkan.

"Nama pun sekatan penuh, jadi tiada sebarang aktiviti dibenarkan sama ada rasmi atau tidak," katanya.

Media semalam melaporkan, seorang artis terkenal bergelar Datuk dan beberapa individu te-

lah dipanggil bagi membantu siasatan dakwaan melanggar SOP PKP 3.0 dalam satu majlis sosial di sebuah ladang dekat Kampung Poh, Bidor baru-baru ini.

Siasatan itu dijalankan susulan tangkap layar beberapa gambar tular di media sosial yang memaparkan mereka yang terlibat menyertai 'kenduri durian' di kampung berkenaan serta turut mengadakan aktiviti seperti 'jamuan dan berkaraoke'.



MIOR FARIDALATHRASH

Borong nanas jualan warga emas

KESENGSARAAN dihadapi rakyat waktu ini, demi sesuap nasi menyebabkan ramai yang sanggup melakukan apa sahaja pekerjaan demi kelangsungan hidup, tidak terkecuali warga emas.

Perkongsian pengguna TikTok dikenali sebagai Mama Atie, menunjukkan seorang pak cik yang menunggang motosikal membawa buah nanas untuk dijual di tepi jalan semasa melalui kawasan itu.

Dia yang memandu pacuan empat roda kemudian berpatah balik untuk memborong semua nanas yang dijual oleh warga emas itu.

"Semua *struggle* mencari duit waktu pandemik sekarang. Semoga pak cik terus dimudahkan rezeki," tulisnya pada kapsyen.

Rata-rata pengikut di TikTok mengakui terharu melihat orang tua sebaya bapa atau atuk itu masih



VIDEO tular lelaki warga emas jual nanas tepi jalan.

mencari rezeki.

Kesanggupan mereka berpanas menanti pembeli amat menyentuh hati.

Ramai mendoakan

kedua-duanya diluaskan rezeki.

"Kasut pun tak pakai. Semoga Allah luaskan rezeki pakcik," komen Saziana.



HATIM Mohd., 60, menunggu durian di atas dangau di dusunnya di Kampung Gajah dekat sini. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Durian merajuk berbuah lebat

PASIR SALAK: Tujuh tahun selepas banjir yang menyebabkan beribu-ribu pokok durian di sini mati dan rosak akibat lama terendam dalam air, kini, pokok raja buah itu kembali berbuah lebat.

Malah, ini pertama kali selepas banjir pada 2014, buah durian berbuah lebat di kebanyakan kampung di sekitar Kampung Gajah antaranya Kampung Jawa, Teluk Sareh, Pulau Tiga dan Kampung Pasir Salak.

Durian Kampung Gajah sememangnya terkenal dengan keenakan durian kampung terutama durian paduka raja, kucing tidur, durian jantung dan selain musim membuat tempoyak.

Keadaan itu mengembira-

kan pemilik dusun yang dapat merasai kembali suasana meriah musim durian, selain dapat dijual ia juga menghidupkan semula suasana di sekitar Kampung Gajah dengan kehadiran pembeli dan peraih.

Hatim Mohd., 60, yang mempunyai 100 pokok durian di Kampung Jawa di sini berkata, buah kali ini lebih banyak berbanding tahun sebelumnya.

Menurutnya, durian lebat mungkin disebabkan cuaca panas dan hujan berterusan sebelum ini.

"Musim kali ini rata-rata pokok durian berbuah lebat, tidak seperti sebelum ini walaupun berbuah tetapi tidak lebat

disebabkan banjir 2014. Saya menjangkakan durian kali ini sehingga 5,000 biji di dusun ini.

"Nampaknya, durian yang sebelum ini merajuk akibat banjir besar tujuh tahun lalu sudah berbuah semula seperti biasa. Saya menjangkakan hasil jualan yang lebih baik pada musim kali ini" katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, durian yang ditanam di sini istimewa kerana merupakan durian kampung malah ada pokok yang berusia lebih 100 tahun.

Katanya, berikutan buah yang lebat, dia dapat merasai semula suasana menunggu durian di pondok yang dibina dalam dusunnya.

'Tabiat' kapal besar bersauh lama sekat rezeki nelayan

Oleh AMRAN MULUP
utusannews@mediamuka.com.my

MELAKA: Isu kapal bersauh di perairan Selat Melaka dari Pantai Puteri hingga ke Masjid Selat di Pulau Melaka didakwa menyekat punca rezeki kira-kira 300 nelayan dan perkara tersebut bukan masalah baharu tetapi berlarutan lebih 10 tahun.

Malah menurut dakwaan nelayan, terdapat kapal-kapal dagang asing itu bersauh lebih dari setahun manakala selebihnya memakan masa antara lima hingga enam bulan.

Tindakan bersauh dalam tempoh lama menutup laluan nelayan menangkap ikan menggunakan pukat hanyut di kawasan tersebut.

Kumpulan nelayan yang terjejas membabitkan nelayan dari Pantai Puteri, Kampung Balik Bukit, Kampung Hailam, Lereh dan Klebang.

Pelbagai usaha dilakukan nelayan sejak era bekas Ketua Menteri, Tun Mohd. Ali Mohd. Rustam tetapi situasi sama terus berlaku seperti biasa.

Jika ada perubahan sekali pun, kapal-kapal tersebut hanya memilih tempat lain buat sementara waktu untuk bersauh selepas mendengar rungutan nelayan.

Namun tidak lama selepas itu, kapal-kapal itu kembali memilih lokasi perairan Pantai Puteri hingga Masjid Selat sebagai tempat 'berehat' lama.

Sejak 10 tahun lalu, keluhan nelayan yang terpampang di dada akhbar tidak mendapat perhatian pihak yang benar-benar bertanggungjawab khusus-

AZIZ Japar menunjukkan sebuah kapal yang bersauh di perairan Selat Melaka dari Pantai Puteri hingga ke Masjid Selat, Pulau Melaka, Melaka.
- UTUSAN/RASUL AZLISAMAD



nya Jabatan Laut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* baru-baru ini mendapati, sebanyak 15 buah kapal berlabuh secara berselerak dan tidak berpenghuni dari Kampung Hailam hingga ke Pulau Upeh.

Ketua Komuniti Nelayan Kampung Hailam, Aziz Japar, 56, berkata, pelbagai usaha sudah dilakukan kerajaan negeri, penguasi jawatankuasa dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan mengenai kapal bersauh.

"Lihatlah kapal yang bersauh berselerak dan menutup laluan nelayan untuk melabuhkan pukat hanyut. Bila ada kapal bersauh antara 10 hingga 15 buah,

macam mana nelayan hendak labuh pukat hanyut?"

"Sudah banyak kejadian pukat terlekat di badan kapal hingga rosak. Sudahlah tanggapan tidak ada, jaring pula rosak. Semua kerugian itu ditanggung nelayan bukan pemilik kapal," katanya.

Menurut Aziz, nelayan di sini hanya meminta pemilik kapal supaya bersauh bukan di laluan nelayan menangkap ikan kerana ia memberi kesan kepada punca pendapatan mereka yang mengharap hasil laut.

"Ada pelbagai pukat yang dilabuhkan oleh nelayan seperti pukat bawal hitam, bawal putih dan ikan tenggiri di samping ada

juga yang merawai.

"Kami semua bergantung rezeki dengan menangkap ikan. Ini sahaja kerja sejak dari dahulu hingga sekarang untuk menyara anak dan isteri, selain hendak bayar ansuran kereta dan rumah," katanya yang sudah 20 tahun turun ke laut.

Dalam pada itu, Ketua Nelayan Pengkalan Perigi dan Pantai Jering, S.M. Salim, 62, berkata, isu yang sudah terlalu lama membelenggu itu perlu diselesaikan segera.

"Kita tidak halang kapal bersauh tetapi jangan sampai menutup rezeki kami yang bergantung hidup dengan menangkap ikan," katanya.

REAKSI MEREKA

SAYA harap masalah nelayan ini dapat diselesaikan secepat mungkin. Kita tidak

halang kapal-kapal bersauh tetapi jangan di kawasan laluan menangkap ikan".
ABU BAKAR JAPAR



SUMBER rezeki saya adalah di laut dan sudah hampir 25 tahun saya

jadi nelayan. Saya amat berharap masalah kapal bersauh dapat diselesaikan segera".

SIKID JAPAR



KAMI tidak larang kapal-kapal bersauh tetapi

bersauhlah jauh sikit ke tengah laut supaya kami boleh menangkap ikan dengan tenang".

JAS SAMKA SULAIMAN



SAYA amat berharap masalah yang sudah berlarutan

hampir 10 tahun ini dapat diselesaikan dengan segera".

SULAIMAN OTHMAN



Sedih lihat nasib nelayan - Norhizam



NORHIZAM HASSAN BAKTEE

MELAKA: Masalah kapal bersauh terlalu lama di perairan Selat Melaka sehingga menghalang laluan nelayan di lima pangkalan di kawasan itu adalah isu lama tetapi tidak mampu diselesaikan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, ia bukan sahaja dihadapi nelayan dari Pantai Puteri hingga ke Klebang tetapi di seluruh negeri ini.

Beliau turut mengakui, terdapat kapal yang lebih dari setahun bersauh di situ manakala selebihnya untuk tempoh singkat sementara menunggu pemungkahan barangan di Pelabuhan Tanjung Bruas.

"Sedih lihat nasib nelayan, kadang-kadang balik ada hasil ikan yang banyak. Tetapi ada ketika mereka pulang tangan kosong. Kalau boleh saya hendak lihat nelayan bila pasang pukat mereka boleh balik berehat dan kemudian turun menarik balik

pukat tanpa rasa risau.

"Tetapi sekarang bila melabuhkan pukat, mereka sudah tersangkut di badan kapal yang bersauh berselerak di perairan di sini," katanya.

Norhizam berkata, dalam satu operasi di Pengkalan Balak baru-baru itu, beliau mendapati terdapat dua buah kapal bersauh yang tidak memasang lampu pada waktu malam.

Keadaan itu jelasnya, sangat membahayakan nelayan yang

balik selepas melabuhkan pukat.

"Saya hubungi seorang pegawai Jabatan Laut dan individu memaklumkan kapal tersebut rosak. Tidak sepatutnya kapal rosak diletakkan terlalu lama di kawasan nelayan mencari rezeki," katanya.

Sehubungan itu, beliau akan mencadangkan supaya diperkenalkan pelaksanaan kawasan zon di perairan Selat Melaka iaitu dari Kuala Linggi hingga ke Sungai Rambai.

28.06.2021

KOSMO

NEGARA

7

2,000 pekerja pelancongan jadi nelayan untuk terus hidup

LANGKAWI - Kira-kira 2,000 bekas pemandu teks, ejen pelancongan dan pekerja kedai tekstil di pulau peranginan ini yang kehilangan kerja sejak tahun lalu terpaksa mengerah kudrat sebagai nelayan untuk menyara keluarga.

Seorang bekas ejen pelancongan, Mohd. Ridzuan Mohd. Taib, 55, berkata, dia dan kira-kira 30 lagi rakannya yang pernah bekerja dalam sektor pelancongan kini mencari rezeki sebagai kru sebuah bot pukal jerut ikan bilis sejak Disember tahun lalu.

Memurutnya, bukan mudah menjadi seorang nelayan kerana mereka tidak mempunyai pengalaman dalam industri itu selain terpaksa bekerja di bawah panas

terik matahari.

"Ada antara kami yang sudah berusia 60 tahun ke atas, namun kami tiada pilihan selain berkorban demi mencari rezeki buat keluarga.

"Saya memperoleh pendapatan kira-kira RM1,300 sebulan dengan menjadi nelayan dan ia sekadar mencukupi untuk membeli barangan keperluan makan," katanya ketika ditemui di Pengkalan Nelayan Bukit Majut di sini kelmarin.

Seorang bekas pemandu teks, Anuar Husain, 67, memberitahu, dia juga berasa kekok pada awal penglibatan sebagai nelayan.

"Saya pemandu teks sejak 30 tahun lalu, namun terpaksa men-

jadi nelayan akibat Covid-19.

"Walaupun keletihan selepas keluar ke laut seawal pukul 5 pagi dan pulang kira-kira pukul 6 petang setiap hari, saya bersyukur kerana dapat terus bekerja bagi menyara keluarga.

"Dua daripada tujuh anak saya juga masih belajar di institusi pengajian tinggi," katanya.

Seorang pekerja hotel, Jamahudin Hashim, 47, dia kehilangan kerja selepas hotel terpaksa membuat keputusan untuk mengurangkan staf akibat kekurangan pengunjungan.

Katanya, sebelum ini pendapatannya lebih RM3,500 sebulan, namun kini dia hanya mampu meraih RM1,300 sebagai nelayan.



SEBAHAGIAN pekerja sektor pelancongan idrl terpaksa menjadi nelayan di Langkawi. - SHAHIR NOORDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.06.2021	HARIAN METRO	ONLINE	-

BELI DURIAN BOLEH TAPI DILARANG BUAT PESTA



Ipoh: Musim durian yang berlangsung ketika ini bukan alasan untuk orang ramai berkumpul beramai-ramai bagi menikmati raja buah itu.

Malah Ketua Polis Perak Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, negara masih di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan sebarang aktiviti berkumpulan dilarang di bawah prosedur operasi standard (SOP).

"Ikut SOP memang tidak boleh, hendak merentas negeri dan daerah pun tidak dibenarkan, apatah lagi hendak buat pesta durian. Tidak kisah pesta apa sekalipun, memang tidak dibenarkan.

"Jadi saya menasihati semua pihak agar dalam tempoh PKP 3.0 ini, tidak lakukan sebarang aktiviti ini sama ada secara rasmi atau tidak rasmi," katanya pada sidang media di perkarangan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak (IPK) di sini hari ini.

Mior Faridalathrash berkata, ketika ini pekebun dibenar menjual durian dan orang ramai dibolehkan membeli buah itu secara bawa pulang.

Sebelum ini, polis menyiasat dakwaan seorang penyanyi bergelar Datuk melanggar SOP apabila mengadakan majlis sosial di ladang Kampung Poh, Bidar, Tapah pada Khamis lalu.